

# Rohingya: Bangladesh minta bantuan Malaysia

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Bangladesh memohon bantuan Malaysia mencari jalan penyelesaian krisis etnik Rohingya yang disifatkan masalah besar kepada negara itu.

Ketua Penasihat Kerajaan Bangladesh, Dr Muhammad Yunus berkata, pihaknya memandang tinggi peranan Malaysia, khususnya sebagai Pengerusi ASEAN, untuk membantu menggerakkan usaha diplomatik menyelesaikan isu berkenaan di peringkat serantau.

"Kami memohon bantuan Malaysia, khususnya sebagai Pengerusi ASEAN. Kami memerlukan segala bentuk bantuan yang boleh diperoleh dan Malaysia adalah sahabat baik kami," katanya dalam sidang akhbar bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena lawatan tiga hari beliau di Kompleks Perdana Putra, di sini, semalam.

Muhammad Yunus berkata, hubungan rapat antara kedua-dua negara selama ini menjadi asas keyakinan Bangladesh bahawa Kuala Lumpur mampu memainkan peranan penting dalam isu kemanusiaan tersebut.

Dalam pada itu, Malaysia dan Bangladesh menandatangani lapan memorandum persefahaman (MoU) dan pertukaran nota melibatkan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan, pertahanan, tenaga, perdagangan dan ekosistem halal.

Bagi bidang pendidikan tinggi, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi bertukar nota dengan Penasihat



**ANWAR Ibrahim mengiringi Dr. Muhammad Yunus pada istiadat sambutan rasmi sempena lawatan beliau ke Malaysia di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR**

Kementerian Kebajikan Perantau dan Pekerjaan Luar Negara Bangladesh, Dr. Asif Nazrul, yang membuka ruang perkongsian kepakaran akademik dan pertukaran pelajar.

Kerjasama diplomatik turut diperkukuh melalui pertukaran nota latihan untuk diplomat antara Mohamad dan Penasihat Hal Ehwal Luar Bangladesh, Md. Touhid Hossain.

Sektor pertahanan menjadi tumpuan apabila Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin memeterai MoU dengan Md. Touhid Hossain bagi meningkatkan latihan ketenteraan, perkongsian teknologi dan keselamatan serantau.

Dalam sektor tenaga, Menteri Kewangan II merangkap Pemangku Menteri Ekonomi, Datuk Seri

Amir Hamzah Azizan memeterai MoU dengan Penasihat Kementerian Pengangkutan Jalan dan Jambatan; Tenaga, Sumber Mineral; dan Keretapi Bangladesh, M Fouzul Kabir Khan.

MoU itu meliputi bekalan Gas Asli Cecair (LNG), pembangunan infrastruktur LNG serta produk petroleum.

Bagi memperkukuh industri halal, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr. Zulkifli Hasan bertukar nota dengan Pengerusi Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Pelaburan Bangladesh (BIDA), Chowdhury Ashik Mahmud Harun.

Hubungan antara pusat kajian strategik kedua-dua negara turut diperluas melalui MoU antara Pengerusi Institut Kajian

Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS), Datuk Profesor Dr. Mohd Faiz Abdullah dan Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh, Md. Shameem Ahsan.

Kerjasama teknologi dan industri pula diterjemahkan melalui MoU antara Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Services Sdn. Bhd., Mohamad Fauzi Yahaya dan Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Bangladesh-Malaysia (BMCCI), Shabbir Ahmed Khan.

Hubungan dagang terus diperkukuh dengan MoU antara Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), Datuk Seri N. Gobalakrishnan dan Pentadbir Persekutuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Bangladesh (FBCCI), Md. Hafizur Rahman.